

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab-sebab utama Kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan Pulau Langkawi gagal memenuhi permintaan amalan mampan dan pemuliharaan sehingga pulau tersebut, yang giat dipromosikan berkemungkinan hilang statusnya sebagai Geopark UNESCO, lantaran perbadanan dunia tersebut bersedia mengeluarkan amaran "kad kuning".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kenyataan Pihak UNESCO bersedia mengeluarkan amaran ‘kad kuning’ adalah tidak benar, sebaliknya Langkawi masih memegang status geopark (kad hijau) yang diiktiraf sebagai ahli Global Geopark Network (GGN) sejak 1 Jun 2001 hingga sekarang. Pengiktirafan ini akan dinilai semula setiap empat (4) tahun bagi memastikan kriteria keahlian dipatuhi. Langkawi Geopark sebenarnya telah diberi pengiktirafan kali kedua bagi tempoh empat (4) tahun bermula dari tahun 2012 hingga 2015.

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) sebagai agensi penyelaras sentiasa memberi penekanan dan perhatian serius mempertahankan status pengiktirafan Langkawi Geopark oleh pihak UNESCO. Melalui Blueprint Pelancongan Langkawi 2011-2015, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM45,605,200 bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf kemudahan pelancongan sedia ada dan projek baharu seperti Geopark Discovery Center, jeti pelancongan dan kemudahan pusat pelawat di bawah inisiatif Ikonik Geopark. Berdasarkan perancangan dan inisiatif yang dinyatakan, persediaan yang teliti dan lengkap telah direncanakan bagi menghadapi penilaian kedua oleh UNESCO yang dijangkakan dilaksanakan pada

pertengahan tahun 2015.